jENDELA iNFO
EDISI 6/2026 | JABATAN PENERANGAN MALAYSIA, SARAWAK



RABIES:
SETIAP GIGITAN ADALAH ANCAMAN MAUT

SEJARAH WABAK RABIES DI SARAWAK

Kerajaan Sarawak mengistiharkan wabak rabies pada 1 Julai 2017 selepas beberapa kes positif jangkitan virus itu dalam kalangan manusia dan haiwan dikesan.

Kes pertama dikesan di daerah Serian, yang dipercayai berpunca daripada penularan merentas sempadan dari Kalimantan Barat, Indonesia.

Sejak itu, wabak ini terus menjadi cabaran kesihatan awam yang serius.

INISIATIF KERAJAAN SARAWAK MENANGANI RABIES

- **Vaksinasi anjing secara besar-besaran:** Program vaksinasi percuma dijalankan secara berterusan.
- **Pelaksanaan Program Oral Rabies Vaccination (ORV):** Penggunaan vaksin oral melalui umpan khas diperluaskan kepada anjing liar dan anjing yang sukar ditangkap bagi meningkatkan liputan vaksinasi di kawasan berisiko.
- **Kawalan anjing berkeliaran:** Operasi berterusan dijalankan untuk mengawal populasi anjing liar.
- **Pelesenan dan mikrocip anjing:** Pemilik anjing digalakkan mematuhi keperluan pelesenan dan pemasangan mikrocip.
- **Kempen kesedaran awam:** Pelbagai program pendidikan dan advokasi dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya rabies.

STATISTIK

Sejak wabak ini mula diisytiharkan pada Julai 2017 sehingga Mei 2026, kes rabies dalam kalangan manusia terus mencatatkan peningkatan. Berikut adalah statistik utama situasi wabak rabies di Sarawak.

94	87	92.6%
Jumlah Kes	Jumlah Kematian	Kadar Kematian *(Fatality Rate)*:

Sumber:
Kenyataan Media Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bertarikh, 7 Mei 2026

PUNCA RABIES

Penyakit ini disebabkan oleh virus rabies yang menyerang sistem saraf dan otak manusia yang merebak melalui air liur haiwan yang dijangkiti, terutamanya melalui gigitan, cakaran atau sentuhan air liur pada luka terbuka atau membran mukus seperti mata dan mulut.

PEMBAWA UTAMA

Di Sarawak, virus ini disebarkan melalui gigitan atau cakaran haiwan seperti anjing dan kucing yang dijangkiti.

TANDA-TANDA

- Demam, sakit kepala dan keletihan
- Kebas atau rasa mencucuk pada kawasan gigitan
- Sukar menelan dan takut kepada air *(hidrofobia)*
- Keliru, agresif, sawan dan lumpuh
- Kematian biasanya berlaku selepas virus menyerang otak dan sistem saraf pusat.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Rabies adalah penyakit yang hampir 100% membawa kematian apabila gejala muncul, tetapi penyakit ini juga 100% boleh dicegah dengan rawatan awal. Justeru, orang awam diingatkan:

1. Jangan ambil mudah gigitan atau cakaran daripada anjing dan kucing termasuk haiwan peliharaan sendiri. Jika digigit:

   i. **Cuci luka segera:** Basuh bahagian yang digigit atau dicakar menggunakan air mengalir dan sabun selama **sekurang-kurangnya 15 minit.**

   ii. **Dapatkan rawatan:** Segera ke fasiliti kesihatan (klinik atau hospital) berhampiran untuk penilaian dan suntikan vaksin anti-rabies.

   iii. **Lengkapkan jadual vaksinasi:** Patuhi dan habiskan semua dos suntikan vaksin yang telah ditetapkan oleh doktor.

2. Jangan kendalikan bangkai haiwan yang mati tanpa diketahui punca kematiannya. Hubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVSS) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tindakan lanjut.

3. Pastikan semua anjing dan kucing peliharaan menerima suntikan anti-rabies lengkap setiap tahun.

4. Tidak mengambil atau memelihara haiwan yang tidak diketahui status kesihatannya.

5. Jangan biarkan haiwan peliharaan berkeliaran tanpa kawalan.

6. Elakkan menyentuh haiwan liar atau haiwan yang menunjukkan tingkah laku luar biasa.

7. Didik kanak-kanak mengenai bahaya gigitan haiwan.

8. Laporkan haiwan yang disyaki dijangkiti rabies kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



TALIAN RASMI

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS)

- **Waktu Pejabat:** 016-255 7267/ 082-628 248 / 082-628 249 / 082-628 250
- **Selepas Waktu pejabat:** 016-807 1024 **(WhatsApp/ Mesej)**
- **Pertanyaan Permit dan Pelesenan:** 016-284 0918 **(WhatsApp)**
- **Kuching/ Serian:** 082-628 255
- **Kota Samarahan:** 082-671 221
- **Sarikei:** 084-658 129
- **Mukah:** 084-871 050
- **Sibu:** 084-330 224
- **Miri:** 085-411 866
- **Bintulu:** 086-335 770
- **Sri Aman:** 083-322 106
- **Betong:** 083-471 622
- **Kapit:** 084-798 280
- **Limbang:** 085-212 177
- **Lawas:** 085-285 085

Pusat Panggilan Kerajaan Negeri (Talikhidmat)

- **Talian Umum:** 082-555 999 (Beroperasi 24/7 untuk aduan anjing liar)

“Lindungi diri, keluarga dan komuniti. Mulakan dengan haiwan peliharaan anda hari ini.”

SUMBER

World Health Organization (WHO) – Rabies Factsheet

Centers for Disease Control and Prevention (CDC) – Rabies Information

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS)

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS)

Majlis Perbandaran Padawan – Program ORV Sarawak 2026